

2015

21

SURAT PENYELESAIAN CUKAI



PENGENALAN

■ Surat Penyelesaian Cukai (SPC) adalah **Surat Pelepasan** yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia kepada pihak majikan bagi memaklumkan tanggungan cukai pekerja yang akan bersara atau tamat perkhidmatannya untuk membolehkan bayaran gaji terakhir / pampasan / ganjaran dapat dibuat

BILA PERMOHONAN PERLU DIBUAT

- Apabila majikan menahan gaji / pampasan / ganjaran pekerja hanya disebabkan oleh :
 - a) Berhenti dari satu penggajian
 - b) Bersara
 - c) Akan meninggalkan Malaysia bagi satu tempoh yang lama atau buat selama-lamanya
 - d) Berlaku kematian seseorang pekerja
- Permohonan SPC perlu dibuat dalam tempoh 30 hari sebelum tarikh pemberhentian kerja / penamatan perkhidmatan atau selepas kematian pekerja

PENTING

PEMBAYAR CUKAI ADALAH DINASIHATKAN UNTUK MENGEMASKINI KEDUDUKAN CUKAI TAKSIRAN DENGAN MENGHANTAR BORANG NYATA CUKAI PENDAPATAN YANG BERKENAAN KE LHDNM BAGI MELANCARKAN PROSES PENGELUARAN SURAT PENYELESAIAN CUKAI

CARA MEMOHON

- Permohonan SPC boleh dibuat melalui :
 1. **e-SPC**
Hanya dibuat oleh majikan secara elektronik
 2. **Secara manual**
Penghantaran borang secara manual ke cawangan LHDNM yang mengendalikan fail cukai pendapatan pekerja

SURAT PENYELESAIAN CUKAI

Hantar borang yang lengkap diisi oleh majikan mengikut kategori berikut :

- ✓ Pekerja Kerajaan (CP22B)
- ✓ Pekerja Swasta (CP22A)
- ✓ Pekerja yang akan meninggalkan Malaysia (CP21)

TEMPOH PROSES SPC

■ Permohonan SPC akan diproses dalam masa 10 hari bekerja dari tarikh dokumen lengkap diterima

TINDAKAN SELEPAS PERSARAAN / PENAMATAN PERKHIDMATAN

- Walaupun SPC telah dikeluarkan, Borang Nyata Cukai Pendapatan masih perlu dihantar untuk tahun-tahun berikutnya sehingga fail cukai ditutup secara kekal
- Permohonan penutupan fail perlulah dibuat secara bertulis ke cawangan LHDNM yang mengendalikan fail cukai pendapatan dan pastikan tiada baki cukai tertunggak

